



PEMATUHAN SYARIAH DALAM

PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA (R&R) PERJANJIAN PEMBIAYAAN KEWANGAN ISLAM

Muzakarah Penasihat Shariah Kewangan Islam Kali Ke- 16

18 September 2023



Prof. Dr. Azman Mohd Noor
Pengerusi, Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat

ISI KANDUNGAN



Pematuhan Syariah

Dalam Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) Perjanjian Pembiayaan Kewangan Islam



Tadbir Urus dan Penyeliaan Syariah

Dalam Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R)



Isu Syariah

Berkaitan Teknik Penstrukturan Dan Penjadualan Semula (R&R)



Amalan terbaik untuk memastikan pematuhan Syariah

Dalam Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) Perjanjian Pembiayaan Kewangan Islam



PEMATUHAN SYARIAH DALAM PENSTRUKTURAN & PENJADUALAN SEMULA (R&R) PERJANJIAN PEMBIAYAAN KEWANGAN ISLAM

Penstrukturan dan Penjadualan Semula

Pembiayaan R&R **membolehkan pembayaran semula bulanan pelanggan disusun semula mengikut kemampuan kewangan semasa mereka.** Institusi Kewangan Islam (IKI) dan pelanggan akan memeterai perjanjian baharu / bersetuju dengan terma dan syarat yang dikemaskini berdasarkan kemampuan kewangan pelanggan.



Perubahan : Pertambahan tempoh pembiayaan dan / atau pengenaan kadar keuntungan yang baharu.
Kesan : Kos pembiayaan meningkat.

Wujud keperluan untuk mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh pelanggan dengan **tidak mengenakan keuntungan berkompaun dalam pembiayaan R&R.**



Kebaikan Penstrukturan dan Penjadualan Semula



Kepada Pelanggan

- Mengelakkan daripada dikenakan tindakan undang-undang.
- Mengelakkan daripada berlakunya pembubaran asset untuk tujuan penyelesaian hutang.

Kepada Bank

- Mengurangkan jumlah pembiayaan terjejas (*Nonperforming Financing*).
- Bank boleh terus membiayai pelanggan tanpa perlu mengambil sebarang tindakan undang-undang yang melibatkan kos yang tinggi.
- Bank tidak perlu membuat proses lelongan asset pelanggan.





ISU SYARIAH BERKAITAN TEKNIK PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA (R&R)

ISU 1: KEPERLUAN KEPADA AKAD BARU

Jika penstruktur semula kontrak pembiayaan Islam dibuat berdasarkan kepada kontrak Syariah yang asal, maka ia boleh dilakukan dengan memeterai perjanjian tambahan (*supplementary agreement*) yang dirujuk silang dengan terma dan syarat perjanjian asal dan tidak memerlukan perjanjian baharu.


- Perjanjian baharu diperlukan sekiranya penstruktur semula melibatkan:

Penggunaan kontrak Syariah yang berbeza. Contohnya pembiayaan asal perumahan berdasarkan *Musyarakah Mutanaqisah* (perkongsian berkurangan) distruktur semula menggunakan *Ijarah*; atau

Penggabungan beberapa pembiayaan berdasarkan pelbagai kontrak Syariah menjadi satu kontrak Syariah baharu sebagai sebahagian daripada rasionalisasi hutang.

- Jika ia melibatkan penjadualan semula kontrak pembiayaan yang **tidak melibatkan perubahan harga siling pembiayaan**, maka tiada akad baru diperlukan.

ISU 2 : PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN SECARA ISLAM KEPADA PINJAMAN KONVENTSIONAL ATAU SEBALIKNYA

- 
- 
- IKI boleh menawarkan pembiayaan menstruktur semula pembiayaan yang diambil daripada IKI lain (*debt transfer/consolidate*), dan ia tidak dianggap *ínah*.
 - IKI dibenarkan untuk menstruktur semula pinjaman konvensional kepada pembiayaan secara Islam. Walau bagaimanapun, penstruktur semula pembiayaan secara Islam kepada pinjaman konvensional adalah tidak dibenarkan.

ISU 3 : PENGENAAN KEUNTUNGAN BERKOMPAUN

Bagaimana **keuntungan berkompaun** boleh terjadi di dalam **penstruktur dan penjadualan semula pembiayaan?**

Ia berlaku apabila **keuntungan terakru daripada pembiayaan terdahulu dimasukkan sebagai jumlah amaun prinsipal baharu.** Pengiraan jumlah keuntungan akan berdasarkan amaun prinsipal baharu tersebut bagi menentukan jumlah keseluruhan pembiayaan. Hasilnya, **amaun keuntungan akan berganda.**

Pengiraan kadar keuntungan baharu bagi pembiayaan R&R adalah berdasarkan kepada risiko dan kos pendanaan semasa, manakala pengiraan keuntungan terakru telah pun mengambil kira risiko dan kos bagi pembiayaan terdahulu. Sebarang gandaan keuntungan terakru dengan cara memasukkannya ke dalam jumlah prinsipal baharu akan menyebabkan IKI memperoleh keuntungan tambahan tanpa menanggung sebarang risiko mahupun kos bagi menjustifikasi nilai gandaan tersebut.

ISU 3 : PENGENAAN KEUNTUNGAN BERKOMPAUN

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah BNM ke-214 bertarikh 30 Jun 2021 memutuskan **IKI tidak dibenarkan untuk mengambil kira keuntungan terakru dalam amaun prinsipal yang baharu bagi penstruktur & penjadualan semula.**

1

Amaun prinsipal baharu bagi pembiayaan yang distruktur dan dijadual semula adalah bersamaan dengan baki prinsipal pembiayaan asal sekiranya tiada pembiayaan tambahan;

2

IKI dibenarkan untuk mengenakan kadar keuntungan baharu bagi amaun prinsipal baharu tersebut; dan

3

Jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika terpakai) bagi pembiayaan asal boleh ditambah menjadi obligasi keseluruhan pembayaran hutang tetapi jumlah ini tidak boleh diambil kira dalam pengiraan keuntungan yang baharu (*cannot be capitalised*).

CONTOH PENGIRAAAN

Existing Outstanding

RM100,000 (RM80,000 principal + RM20,000 accrued profit)

Restructuring

(RM80,000 x new current profit rate) + RM20,000 accrued profit + any other charges if applicable e.g. legal fees

ISU 4 : MUSIR & MU'SIR

Majlis Penasihat Shariah BNM pada mesyuarat ke-214 bertarikh 30 Jun 2021 telah memutuskan bahawa keputusan Majlis Penasihat Syariah masih lagi terpakai **dengan membuat penambahan berikut:**



Larangan keuntungan berkompaun terpakai kepada pembiayaan R&R bagi semua pelanggan (termasuk Musir dan Mu'sir).

- **Musir:** IKI dibenarkan untuk mengenakan kadar keuntungan baharu bagi penstruktur semula pembiayaan berdasarkan kaedah pengiraan yang telah digariskan di dalam polisi dokumen BNM dan resolusi MPS yang berkaitan.
- **Mu'sir:** Tidak dibenarkan mengenakan sebarang keuntungan tambahan ke atas pembiayaan sedia ada.

ISU 4 : MUSIR & MU'SIR

Apakah parameter penentuan **Mu'sir**?

Bank Negara meminta penentuan **parameter Mu'sir ditentukan oleh AJS masing-masing.**

PELANGGAN KORPORAT

*Customers where their financial position, **cash flow performance** are severely affected and deteriorated for consecutive periods due to the occurrence of the following events:*

- Pandemics
- Natural disasters.
- Any financial crisis and economic downturn
- Legal suit implication
- Significant drop in the main sources of business income i.e. 30% or more reduction in cash inflow / sales or Ceased operations supported with alternative source(s) of income / funds and / or business turnaround plan

PELANGGAN RUNCIT

*Customers where their **financial position/salary income** are severely affected and deteriorated for consecutive periods due to the occurrence of the following events:*

- Pandemics
- Natural disasters
- Any financial crisis and economic downturn
- Unable to pay current instalment due to high financial commitment
- Total permanent disability (TPD)

ISU 5 : QALB AL-DAYN

Makna *Qalb al-Dayn* menurut **Ibn Taimiyah** :

Mengenakan hutang lain kepada penghutang yang sama untuk melunaskan hutang sedia ada melalui **transaksi baru** atau **menambah jumlah hutang** ke atas penghutang, dengan **memanjangkan tempoh bayaran balik** hutang tersebut.

قلب الدين هو أن يكون على إنسان دين حال غالباً لم يرغب أو لم يقدر على سداده فيقوم الدائن بتفريح ذمة المدين وإشغال ذمته بدين مؤجل أكثر قدرًا من الدين الأول. (الشيخ وليد بن هادي بحث ملتقى علماء الشريعة)

- **Mazhab Maliki** - Menggunakan istilah *faskh al-dayn bi al-dayn* (pelunasan hutang dengan hutang yang lain). Mazhab Maliki melarang *qalb al-dayn* secara mutlak ke atas penghutang yang *mu'sir* atau *musir*.
- **Ibnu Taimiyah** - Berpandangan haram memaksa penghutang *mu'sir* memasuki transaksi baru bagi membayar hutang lama secara *ijma*.
(إذا حل الدين وكان الغريم معسراً لم يجز باجماع المسلمين أن يقلب عليه الدين لا بمعاملة ولا غيرها) الدرر السنية 6/123
- **Mazhab Hanafi, Syafie & Hanbali** - Dbolehkan melakukan transaksi jualan ke atas *mu'sir* dengan syarat ia tidak dikaitkan dengan penyelesaian hutang lama. 519-507 العلل الربوية، الراجحي، د. عبدالله الحضيف،

ISU 5 : QALB AL-DAYN

Majoriti ulama tidak membenarkan Qalb al-Dayn ke atas penghutang yang Mu'sir kerana ia dianggap Ribā Al-Jāhiliyyah. Perkara ini boleh dirujuk di dalam al-Quran Surah Al-Baqarah [2:280] yang menyatakan :

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرْهُ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَن تَصَدِّقُوا خَيْرٌ

لَكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ



Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

[SURAH AL-BAQARAH 2 : 280]

RESOLUSI AL-MAJMA' AL-FIQHI

قرار مجمع الفقه الإسلامي الدولي رقم (158).

فسخ الدين في الدين عن طريق معاملة بين الدائن والمدين تنشأ بموجبها مديونية جديدة على المدين من أجل سداد المديونية الأولى كلها أو بعضها، ومن أمثلتها: شراء المدين سلعة من الدائن بثمن مؤجل ثم يبعها بثمن حال من أجل سداد الدين الأول كله أو بعضه.


فلا يجوز ذلك ما دامت المديونية الجديدة من أجل وفاء المديونية الأولى بشرط أو عرف أو مواطأة أو إجراء منظم؛ وسواء في ذلك أكان المدين موسرًا أم معسراً وسواء أكان الدين الأول حالاً أم مؤجلاً يراد تعجيل سداده من المديونية الجديدة، وسواء اتفق الدائن والمدين على ذلك في عقد المديونية الأولى أم كان اتفاقاً بعد ذلك، وسواء أكان ذلك بطلب من الدائن أم بطلب من المدين. ويدخل في المنع ما لو كان إجراء تلك المعاملة بين المدين وطرف آخر غير الدائن إذا كان بترتيب من الدائن نفسه أو ضمان منه للمدين من أجل وفاء مديونيته.

AAOIFI STANDARD NO 59 - SALE OF DEBT

4/1/3/3 All such things are prohibited, which may lead to an increase in the amount or the value of the debt against increasing the debt tenure or could be a means to it, irrespective of whether the debtor is solvent or insolvent. This includes the substitution of the debt by the creditor for a commodity and then selling it to the debtor for deferred price higher than the amount of debt, and it is in the form of the prescribed sale of *Inah*.

4/1/3/4 Upon the request of a solvent debtor customer, it is permitted to execute a Murabaha contract, between the customer and the creditor Institution, pursuant to which new debt is established upon the customer that will be more than the first debt, even if the customer settles whole or part of the first debt using the sale price of the commodity that was purchased under the new financing. This is subject to the following rules:

AAOIFI STANDARD NO 59 - SALE OF DEBT

- 
- (a)** The new Murabaha should be a financing transaction independent of the transaction that established the first debt, so that: [entering into the new Murabaha] will not be stipulated in the contract [of the first debt], it shall not be required in [the new Murabaha] contract, nor in the financing documentation, to settle the first debt using the selling price of what was purchased by the customer, and credit approval must be given for [the new Murabaha] because it is new financing.

 - (b)** The contract of new Murabaha should be a valid contract resulting [it's respective] Shariah effects, such as: the customer is entitled to take actual delivery of the subject of sale, and [the customer is entitled to retain ownership [of the subject of sale], if the delivery was constructive, be able to dispose of the subject of sale as he deems fit with no obligation to sell thereof.

ISU 5 : QALB AL-DAYN



Sheikh Abdullah Sulayman Manī`

Membezakan penghutang *Musir* dan *Mu'sir*

- ***Musir***
Dibenarkan dengan syarat tidak ada paksaan ke atasnya
- ***Mu'sir***
Tidak dibenarkan



Sheikh Nazih Hammad

Mbenarkan untuk mendapatkan tunai melalui transaksi Tawarruq, Salam atau lain-lain kontrak Syariah bersesuaian dengan tujuan untuk melunaskan hutang asal.

ISU 5 : QALB AL-DAYN

Sheikh Abdul Sattar Abu Ghuddah



Qalb-Al Dayn adalah dibenarkan dengan mematuhi **3 parameter** berikut :

- Tidak ada kaitan di antara hutang pertama dan kedua dan tujuan *qalb al dayn* tersebut tidak semestinya untuk menyelesaikan hutang yang pertama.
- *Qalb al dayn* hanya dibenarkan di dalam kes ketidakcukupan kecairan dan bukan disebabkan kemungkiran penghutang (*insolvency*).
- Keuntungan untuk hutang yang kedua hendaklah tidak melebihi jumlah keuntungan hutang yang pertama bagi mengelakkan perbezaan tersebut dianggap sebagai hutang tambahan kerana kelewatan penyelesaian hutang yang pertama.
- Pelanggan mesti dibenarkan untuk menggunakan dana pembiayaan kedua tanpa sebarang sekatan tertentu untuk tempoh tertentu.
- Fasiliti *qalb dayn* tidak dibenarkan untuk diberikan secara kerap yang akan memberi kesan iaitu pelanggan berada di dalam keberhutangan dalam tempoh yang lama.

ISU 5 : QALB AL-DAYN



Sheikh Muhammad Ali Elgari

Qalb al-dayn yang diharamkan hanya terbatas pada keadaan orang yang tidak mampu membayar hutangnya (ada perintah untuk menunggu sampai orang yang berhutang dapat menyelesaikan hutangnya). Namun, dalam kes penghutang mampu membayar hutang (*musir*) ia dianggap sebagai kontrak baru dengan hutang baru dan tidak termasuk di bawah *qalb al-dayn* yang dilarang.

أما إذا كان الدين على مليء إلا أنه في حاجة إلى الاستزادة من التمويل لتوسيع نشاطه الاستثماري فهذه الحال محل نظر واجتهاد. وقد أجاز هذه الصورة مجموعة من الهيئات الرقابية الشرعية للمؤسسات المالية لانتفاء المحاذير الشرعية في الاضطرار وفي استغلال الضعف وال الحاجة ولا تفاء صورة الربا وحقيقة.

ISU 5 : QALB AL-DAYN

Shariah Committee of Bahrain Islamic Bank



- Praktis *qalb al-dayn* hendaklah dihadkan hanya bagi mereka yang mampu membayar balik hutang (*musir*). Walau bagaimanapun, mereka tidak membenarkan *qalb al-dayn* ditawarkan kepada individu atau syarikat yang berada di bawah kategori insolvensi atau *mu'sir* kerana ia dianggap riba.
- Berkenaan penstrukturran semula yang melibatkan pihak ketiga, sebagai contoh, pelanggan mendapatkan pembiayaan daripada Bank B (pihak ketiga) bagi melunaskan hutang yang pertama daripada Bank A. Justeru pelanggan berjaya menyempurnakan hutang yang pertama tetapi pelanggan mempunyai obligasi hutang yang baharu dengan pihak ketiga (Bank B). Sesetengah ahli *fiqh* berpendapat bahawa amalan ini dibenarkan, selagi tidak ada pengaturan di antara kedua bank tersebut.

ISU 5 : QALB AL-DAYN

Masraf al-Inma'



Dibenarkan atas dasar pengecualian dengan syarat berikut:

- Hutang yang baru bukan dibuat untuk pelanggan yang sengaja melewati-lewatkan pembayaran.
- Pelanggan perlu diberikan masa yang mencukupi untuk menyelesaikan jumlah pemberian.
- Diberikan sebelum tamat tempoh pemberian pertama.

KESIMPULAN

- Fuqaha bersepakat **tidak membenarkan penjadualan atau penstruktur semula hutang bagi pembiayaan berteraskan murabahah dengan penambahan tempoh dan jumlah hutang tanpa melakukan transaksi pembiayaan baru.**
- Fuqaha juga bersepakat **tidak membenarkan memaksa penghutang *mu'sir* menerima transaksi baru (*qalb al-dayn*) untuk penstruktur semula hutang.**
- Fuqaha **tidak membenarkan *qalb al-dayn* semata mata untuk dijadikan helah riba jahiliyyah.**

KESIMPULAN

- Dibenarkan penstruktur semula hutang melalui transaksi *qalb al-dayn* bagi pengutang yang mampu bayar (*solvent debtor/musir*) sama ada ketika hutang itu telah matang atau tidak.
- Namun para fuqaha berbeza pendapat mengenai syarat-syarat bagi penstruktur semula:

KESIMPULAN

- Antara syarat-syaratnya adalah :
 - Tidak disyaratkan atau tidak ada **rujukan silang di antara dua hutang.**
 - Pelanggan yang mendapat pembiayaan baru **mesti diberikan pilihan dan masa yang mencukupi** untuk menyelesaikan hutang yang asal.
 - **Kadar keuntungan untuk hutang baru tidak boleh melebihi kadar keuntungan hutang yang lama** bagi mengelakkan jumlah hutang yang lama dimasukkan (*factor in*) ke dalam hutang yang baru dan mengelakkan riba.

KESIMPULAN CONT'

- Antara syarat-syaratnya adalah :
 - Transaksi **dilakukan sebelum pelanggan mungkir (*default*) atau menjadi *mu'sir*.**
 - Pilihan *qalb al-dayn* **dibenarkan di atas dasar pengecualian (*istithna'*)** sehingga ada penyelesaian lain.
 - Tidak boleh **dinyatakan daripada awal di dalam kontrak pembiayaan utama, disyaratkan *qalb al-dayn*.**



TADBIR URUS DAN PENYELIAAN SYARIAH DALAM PENSTRUKTURAN & PENJADUALAN SEMULA

TADBIR URUS DAN PENYELIAAN SYARIAH DALAM PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA

Mewujudkan parameter Syariah khas untuk proses penstruktur dan penjadualan semula.

1

Semakan dokumentasi yang melibatkan penstruktur dan penjadualan semula oleh jabatan Syariah.

2

Semakan berkala oleh Syariah Review dan Shariah Audit ke atas amalan penstruktur dan penjadualan semula.

3



AMALAN TERBAIK UNTUK MEMASTIKAN PEMATUHAN SYARIAH DALAM PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA

AMALAN TERBAIK UNTUK MEMASTIKAN PEMATUHAN SYARIAH

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرْهُ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدِّقُوا خَيْرًا
لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

٢٨٠

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, **maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya** dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

[SURAH AL-BAQARAH 2:280]



Memelihara **konsep adil dan ihsan** untuk kedua dua pihak iaitu pelanggan dan bank.



Meneliti **sikap pelanggan** sama ada suka melewatkhan tanpa sebab atau memang berada di dalam kesusahan.

AMALAN TERBAIK UNTUK MEMASTIKAN PEMATUHAN SYARIAH



Penilaian risiko kredit yang mapan daripada pihak Bank.



Capital buffer yang mencukupi.



Integrasi dengan elemen pembiayaan sosial seperti waqf, zakat dan sedekah.



Bank Pilihan Anda

A photograph of several modern skyscrapers at night, with illuminated windows and glass facades reflecting the city lights. The buildings are set against a dark sky.

TERIMA KASIH